

206

SOALAN NO: 76

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATUK CHE MAHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH

SOALAN:

Datuk Che Mahamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada bercadang untuk meminda Akta Kerja 1955 bagi menangani masalah diskriminasi di tempat kerja ekoran larangan pemakaian tudung dalam sektor perhotelan di negara ini.

PR-1361-T02007

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Berhubung isu ini larangan bertudung dalam sektor perhotelan, pada 8 Februari 2018 yang lalu, tiga persatuan hotel Persatuan Hotel Malaysia (MAH), *Malaysian Association of Hotel Owners (MAHO)* dan Persatuan Hotel Bajet Malaysia (MYBHA) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kementerian Sumber Manusia (KSM) bagi menarik balik polisi melarang pekerja wanita Islam bertudung yang membabitkan lebih 3,000 hotel di seluruh negara yang bernaung di bawa tiga persatuan itu.
2. Menerusi MoU tersebut, pihak hotel dilarang mengenakan sebarang peraturan yang tidak membenarkan pekerja wanita Islam bertudung. Dalam hal ini, Kementerian Sumber Manusia akan terus memantau sektor perhotelan bagi memastikan mereka mematuhi aku janji berkenaan.
3. Dalam masa yang sama, Kementerian Sumber Manusia juga sedang memuktamadkan draf cadangan pindaan Akta Kerja 1955 bagi menangani isu diskriminasi di tempat kerja. Peruntukan khusus berkaitan anti-diskriminasi ini dijangka akan mampu menangani isu-isu diskriminasi yang dibangkitkan di tempat kerja dengan lebih berkesan.

SOALAN : 77

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLI JUSOH
(SETIU)**

RUJUKAN : 10665

SOALAN :

PR-1361-T02008

**Datuk Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan keberkesanan Pusat Serantau Digital
Bagi Memintas Mesej Melalui Komunikasi (CMC) serta jumlah
penangkapan atau kes yang berjaya dikesan setakat ini**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Counter Messaging Centre (CMC) merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dan sebagai salah satu ahli "**Global Coalition Against Daesh**" bagi mengekang penyebaran fahaman kumpulan Daesh dan keganasan ekstremis. Situasi semasa menunjukkan kumpulan ini menggunakan media sosial seperti **Facebook, Twitter** dan **Instagram** dan laman web untuk menyebarkan ideologi yang jelas terpesong dari ajaran sebenar.

Kaedah ini juga digunakan oleh kumpulan pengganas untuk merekrut ahli-ahli baharu bagi menyertai Daesh dan menjadi pejuang ekstremis serta sebagai platform memperolehi dana kewangan bagi memperluas aktiviti kumpulan pengganas.

Penubuhan CMC juga bertujuan untuk memantau kandungan laman web dan media sosial, mengumpul, mengesan, menyiasat dan mengenalpasti elemen pengganas di media sosial. Selain itu, CMC turut menjalankan proses deradikalisasi menerusi media sosial untuk memperbetulkan fahaman kumpulan ini.

Keberkesanan penubuhan CMC terbukti apabila berjaya membantu PDRM menangkap individu tempatan serta rakyat asing yang menzahirkan sokongan keganasan di media-media sosial. CMC juga

berjaya melaksanakan *counter narrative* berkaitan isu keganasan yang dibangkitkan oleh pengganas yang telah disalah tafsir di dalam media sosial dalam bentuk penulisan ilmiah dan infografik yang mudah difahami.

SOALAN : 78

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLI JUSOH
(SETIU)**

RUJUKAN : 10666

SOALAN :

PR-1361-T02009

Datuk Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan punca peningkatan jumlah penagih dadah bagi tahun 2016 berbanding tahun-tahun sebelum ini serta jumlah yang direkodkan bagi tahun 2017 dan langkah dalam membanteras masalah ini secara agresif terutamanya di kalangan kaum Melayu yang dilihat mendominasi dalam jumlah peningkatan kes.

212

JAWAPAN:

Statistik penagih dadah yang dikesan bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 masing-masing adalah seramai 26,668 orang, 30,844 orang dan 25,922 orang. Berikutan cabaran-cabaran yang sentiasa dihadapi, bilangan penagih dadah menunjukkan pola menurun dan menaik. Cabaran-cabaran ini termasuk penghasilan dadah jenis baru dan terkini yang dijual di pasaran serta trend penagihan dadah yang semakin kompleks di mana kebanyakan penagih dadah yang mendapatkan rawatan di Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) merupakan pengguna *polydrug* iaitu penagih dadah yang menggunakan dua atau lebih jenis dadah.

Isu penagihan dadah adalah rumit dan kompleks. Merawat dan memulihkan masalah penagihan dadah sukar dicapai dalam tempoh yang singkat. Lazimnya, rawatan dan pemulihan dadah merupakan satu proses yang panjang dan berterusan kerana penagihan merupakan sejenis penyakit yang berulang akibat gangguan saraf otak. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan penagih terlibat semula (kembali *relapse*) dengan penagihan dadah. Antaranya adalah stigma masyarakat terhadap bekas penagih dadah yang telah menjalani rawatan dan pemulihan. Penagihan semula ini juga berpunca daripada kesukaran mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian kerana latar belakangnya sebagai penagih dadah walaupun terdapat dalam kalangan mereka yang telah menjalani rawatan dan pemulihan, mempunyai latihan, kemahiran, latar belakang pendidikan yang baik dan pengalaman dalam pelbagai bidang kerja. Selain itu, tempoh pengambilan dadah yang panjang dan berhadapan

dengan masalah *comorbidity* turut menyumbang kadar *relapse* dalam kalangan penagih dadah.

Bagi menangani masalah ini, Kementerian Dalam Negeri melalui AADK telah menggerakkan program Perangi Dadah Habis-habisan (PDH) bagi membersihkan 178 kawasan berisiko di seluruh negara secara berperingkat. Kawasan sasaran utama yang telah dikenal pasti ialah kawasan nelayan, penempatan tanah rancangan (FELDA dan FELCRA) serta Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Strategi PDH yang menggunakan pendekatan menggerakkan agensi-agensi Kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti melibatkan peranan mereka sebagai perancang, penggerak dan pemilikhak (*ownership*) dalam setiap program dan aktiviti pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan dadah serta penguatkuasaan dadah. Program PDH yang telah dilaksanakan sejak tahun 2016 ini akan diteruskan pada tahun 2018.

Selain itu, Kementerian melalui PDRM juga telah mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan untuk mengesan dan menangkap serta mengambil tindakan undang-undang ke atas individu atau sindiket pengedaran dadah melalui strategi berikut:

- a) Memperluaskan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dan tempatan dalam berkongsi maklumat risikan serta menjalankan operasi bersama;

- b) **Mempergiatkan tindakan penguatkuasaan oleh *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING) untuk membanteras *drug kingpin*, sindiket pengedaran dadah berskala besar serta membongkar makmal haram memproses dadah;**
- c) **Mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ke atas sindiket dan individu yang menjadi dalang kegiatan pengedaran dadah; dan**
- d) **Melumpuhkan sumber kewangan individu atau sindiket pengedaran dadah melalui penyitaan harta di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988.**